

**INSPIRASI DAKWAH BAGI OKU DARI KISAH IBNU UMMI MAKTUM:  
PENGALAMAN DI YAYASAN FAQEH**

Noornajihan Jaafar  
Norakyairee Mohd Raus  
Nik Ahmad Farid B Nik Shabery  
Nurutthoilah Mohd Nabil

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum,  
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Tel: +60132570732, e-mail: [noornajihan@usim.edu.my](mailto:noornajihan@usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Dakwah Islam tidak dapat dinafikan kepentingan dan peranannya dalam pembangunan ummah. Ia perlu disampaikan kepada seluruh komuniti masyarakat termasuklah komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU). Komuniti ini berhak mendapat nikmat Islam kerana Islam tidak hanya eksklusif kepada individu yang sempurna pancaindera sahaja. Namun begitu, OKU adalah antara komuniti yang sering dikaitkan dengan isu dan perbahasan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan taklif dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Bertitik tolak dari sini, inspirasi dakwah bagi OKU daripada kisah Ibnu Ummi Maktum telah disahut oleh Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) yang mengambil tanggungjawab memberi ruang dan peluang kepada OKU mendekati ilmu Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman Yayasan FAQEH memberikan khidmat berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan mengenalpasti faktor penglibatan sukarelawan Yayasan FAQEH dalam usaha memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan Islam disamping menangani isu tuntutan beragama dikalangan mereka. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dan tembuwal untuk mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa usaha dakwah OKU yang telah dijalankan yang memberi kesan kepada komuniti OKU. Dapatan juga mendapati antara faktor penglibatan seseorang individu dalam khidmat kesukarelawanan ialah pemahaman dan nilai, motivasi kerjaya dan sosial, keikhlasan atau kerelaan, khidmat komuniti, kemahiran kesukarelawanan, dan menyelesaikan kerja kursus. Oleh yang demikian, hasil penulisan ini diharapkan menjadi inspirasi dalam menyampaikan dakwah kepada OKU dengan lebih meluas pada masa akan datang.

**Kata Kunci :** Dakwah, Orang Kurang Upaya, Yayasan FAQEH

**PENDAHULUAN**

Islam merupakan agama yang bersifat menyeluruh atau universal iaitu sesuai untuk semua golongan tanpa mengambil kira pangkat, rupa, harta, tahap intelek malah dari keturunan mana sekalipun dan juga bersesuaian dengan setiap zaman. Sehubungan itu, pendidikan Islam merupakan satu keperluan serta tuntutan bagi manusia yang bergelar Muslim sama ada bagi komuniti tipikal mahupun komuniti istimewa (Siti Ramna & Nurul Asiah, 2021; Norakyairee Mohd Raus, 2017 & Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017). Namun demikian, realitinya di Malaysia pada hari ini, kebanyakan program dakwah yang dilaksanakan banyak tertumpu kepada golongan tipikal sahaja (Salmihah Che Mud et. al, 2018; Mohamad Adib et. al, 2017; Hassan J., 2009). Kesannya, komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) menjadi antara yang

tersisih daripada usaha tersebut.

Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja semakin meningkat (Siti Muhibah et. al, 2020; Siti Muhibah Hj. Nor et. al. 2011; Noremy dan Mohd Satar, 2008; Abd Rahman, 2008; Che Noraini, 2005;). Senario yang sama juga berlaku kepada pelajar atau remaja OKU disebabkan kurangnya penyampaian ilmu agama yang berkesan kepada mereka. Ini diakui oleh kajian Siti Muhibah et. al (2020) yang menunjukkan golongan pekak yang beragama Islam tidak dapat mendalami agama Islam dengan baik. Terdapat banyak kes yang berkaitan salah laku akhlak, masalah perkahwinan dan penceraian, kemurtadan dan hal-hal lain yang berkaitan agama Islam berlaku dalam kalangan golongan masalah pendengaran di Malaysia. Hal ini sangat membimbangkan kerana jika dilihat bilangan OKU yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semakin bertambah setiap tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh JKM (2022), daripada 611,168 OKU seramai 372,550 OKU yang berbangsa Melayu beragama Islam. Melihat kepada statistik ini, tidak hairanlah jika masalah sosial dalam komuniti OKU boleh berlaku sekiranya ruang dan peluang untuk mereka menghayati agama Islam tidak diberikan. Semua ini berlaku kerana terdapat pihak-pihak yang masih lagi tidak cakna dengan keperluan hak hidup beragama yang diperlukan oleh OKU di negara kita.

Selain itu, komuniti OKU dikenali sebagai insan istimewa. Sehubungan dengan itu, cara dan kaedah mendekati serta menyantuni mereka juga istimewa dan berlainan daripada golongan tipikal. Sebagai contoh komuniti OKU Pendengaran menggunakan bahasa isyarat sebagai komunikasi utama mereka, maka setiap proses pengajaran dan pembelajaran mereka seharusnya menggunakan bahasa isyarat khususnya dalam pembelajaran agama. Namun, apa yang menjadi masalah kini, kebanyakan para asatizah dan pendakwah di Malaysia tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan komuniti pekak (Siti Rahmah et. al, 2019; Siti Muhibah, 2010). Hal ini sedikit sebanyak menyebabkan komuniti pekak ini ketinggalan jauh untuk mempelajari pendidikan Islam. Mereka juga sering kelihatan seolah-olah disisihkan dari mempelajari agama hanya kerana batasan komunikasi di antara komuniti pekak dan para asatizah serta para pendakwah. Masalah ini telah menyebabkan kebanyakan komuniti pekak tidak berkemahiran dalam ilmu agama malah terdapat di antara mereka yang tidak berminat untuk mendekati agama Islam (Siti Rahmah et. al, 2019).

Justeru perkara ini seharusnya menjadi perhatian semua pihak tatkala sesebuah negara sedang membangun pesat dengan fasiliti komuniti tipikal namun keperluan pembangunan modal insan dari sudut agama untuk OKU masih lagi ketinggalan dan terpinggir dari arus pembangunan perdana. Oleh yang demikian, tujuan penulisan ini dihasilkan bagi memberikan pendedahan mengenai usaha Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) sebagai NGO Islam yang memberikan khidmat pendidikan Quran dan Fardu Ain kepada komuniti OKU di Malaysia. Dalam memberikan ruang dan peluang beragama kepada OKU, objektif penulisan ini adalah untuk mengetahui konsep sukarelawan dalam dakwah OKU, latar belakang Yayasan FAQEH dan faktor penglibatan sukarelawan dalam dakwah OKU. Metod kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah melalui kajian literatur dan kaedah temubual untuk mengumpulkan data.

### **KONSEP SUKARELAWAN DALAM DAKWAH OKU**

Sukarelawan merupakan individu yang melakukan sesuatu dengan sukarela. Kebiasaannya mereka terdiri daripada kalangan individu yang ingin memberikan khidmat mereka kepada golongan tertentu dan tidak diperlukan mempunyai kelayakan tertentu. Faktor demografi yang sering dikaitkan dengan perbezaan tingkahlaku kesukarelawan individu ialah faktor umur,

jantina, tahap pendidikan, status perkahwinan, bangsa, ciri keluarga, status sosioekonomi, status pekerjaan dan pengalaman penglibatan lampau dalam aktiviti kesukarelawanan (Nurul Ashidah, 2015; Institute for Volunteer Research 2013; Mesch et. al, 2006; Taniguchi, 2006).

Dari sudut pandangan takrifan lain sukarelawan adalah pengkelasan kerja sukarela formal, tidak formal, bergantung kepada tempat aktiviti, dikendalikan oleh sesebuah organisasi (Angermann & Sittermann, 2010). Ironinya sukarelawan mempunyai sifat kesukarelawanan dalam segala hal berkaitan dengan aktiviti memberi, tolong menolong, ringan tulang dan saling membantu tanpa mengharapkan ganjaran secara spesifik dan tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Sukarelawan merupakan seseorang yang mempunyai minat mendalam terhadap aktiviti yang bertujuan membantu orang lain dan terlibat secara fizikal dan langsung dalam program-program kesukarelawanan. Mereka biasanya tidak mengharapkan ganjaran tetapi melakukan setiap aktiviti kesukarelawanan dengan ikhlas untuk memenuhi suatu hasrat yang hanya difahami oleh mereka sendiri serta untuk mendapatkan kepuasan diri secara individu (Nurul Ashidah, 2015 & Sardinha et. al, 2011).

Aspirasi dakwah OKU pengkaji merujuk kepada surah ‘Abasa ayat 1-10 yang menyatakan komuniti OKU mendapat kedudukan yang istimewa apabila Allah S.W.T telah menegur Rasulullah S.A.W tentang cara layanan Baginda terhadap ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum yang merupakan seorang yang cacat penglihatan. Allah berfirman dalam surah ‘Abasa ayat 8-11 :

وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ۙ وَهُوَ يَخْشَى ۙ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۙ كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ۙ

Maksudnya: “*dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersegera (untuk mendapatkan pengajaran), sedang dia takut (kepada Allah), engkau (Muhammad) telah mengabaikannya. Sekali-kali jangan (begitu), sungguh, ajaran-ajaran Allah itu suatu peringatan*”.

Peristiwa ini menunjukkan betapa pentingnya teguran ini sehingga Baginda memerlukan bimbingan secara langsung daripada Allah S.W.T (Norsaadah Din et. al, 2018; Tengku Fatimah, 2016; Che Di dan Nur Fadliana, 2014). Pengkaji mengambil ibrah dan pengajaran daripada surah ‘Abasa yang menunjukkan bahawa perlunya seseorang pendakwah atau sukarelawan untuk memahami psikologi OKU agar dakwah dapat disampaikan secara berkesan. Integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam berinteraksi dengan komuniti OKU hendaklah dilaksanakan dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan bagi orang Islam, khususnya untuk tujuan dakwah. Wahyu yang diturunkan ini telah menimbulkan kesedaran dan keinsafan; sejak itu, Rasulullah S.A.W mengambil sikap memberikan perhatian dan layanan yang sama, tanpa mengira taraf kedudukan seseorang, baik miskin atau kaya, rendah atau mulia, hamba atau merdeka; seperti Abdullah Ibnu Ummi Maktum mula dihormati dan dilayani sebaiknya oleh Rasulullah S.A.W (Izzatul Najihah et. al, 2020).

Sikap persamaan taraf yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W wajar dicontohi dan diikuti oleh semua pihak dalam memastikan masyarakat negara kita lebih cakna kepada komuniti OKU. Hal ini akan menyebabkan kebajikan dan keperluan komuniti OKU dalam mengamalkan ajaran Islam dapat disediakan dan dihayati dengan lebih baik dan berkesan kepada mereka. Oleh yang demikian, sukarelawan dakwah bagi OKU wajar diketengahkan dan dikaji lebih mendalam kerana ianya bukan sahaja memberikan manfaat kepada komuniti OKU dalam hidup beragama malah dapat membangunkan masyarakat yang lebih bersikap empati serta melahirkan generasi masa depan yang berwawasan kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, budaya serta sama ada golongan tipikal mahupun OKU.

## **LATAR BELAKANG YAYASAN FAQEH**

Yayasan Pendidikan al-Quran Bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) mula ditubuhkan pada 7 Februari 2013 sebagai sebuah badan kebajikan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Yayasan FAQEH membuka ruang dan peluang kepada golongan OKU untuk mempelajari dan memahami kandungan al-Quran. Yayasan FAQEH merupakan sebuah institusi pendidikan bagi anak-anak istimewa dalam mempelajari ilmu Qurani yang melibatkan anak-anak istimewa seperti autism, sindrom down, lembab dan hiperaktif. Dengan tertubuhnya Yayasan ini, pendidikan al-Quran bagi anak istimewa dapat berlangsung dalam suasana kondusif, teratur dan sesuai dengan keperluan mereka. Sememangnya menjadi hasrat pihak Yayasan untuk membantu golongan ibu bapa dalam memastikan anak istimewa mereka membentuk sebahagian daripada generasi Qurani pada masa akan datang.

Yayasan FAQEH dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Quran (CQR), Universiti Malaya dan Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI Center) Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia telah menjalankan banyak kajian dalam memenuhi keperluan dan kaedah pembelajaran komuniti OKU mendapatkan Pendidikan Islam. Antaranya projek rintis dalam membangunkan Kurikulum QurANIS yang merupakan inovatif Pendidikan al-Quran dan Ibadah Anak Istimewa (Kurikulum QurANIS, 2017). Kurikulum QurANIS merangkumi empat komponen asas iaitu Hafazan, Tilawah al-Quran, Terapi Tahsin Ibadah dan Terapi Alami (Siti Ramna et. al, 2020). Yayasan ini juga ditubuhkan untuk mendapatkan sumbangan dana bagi menampung segala pembiayaan yang diperlukan bagi menjalankan program dan aktiviti pembelajaran al-Quran dan ibadah bagi anak-anak Istimewa di sekitarnya.

## **VISI DAN MISI YAYASAN FAQEH**

Antara visi penubuhan Yayasan FAQEH adalah melahirkan insan Rabbani dalam kalangan golongan OKU. Ia selaras dengan prinsip yang dibawa oleh Yayasan FAQEH memberi ruang dan peluang kepada OKU untuk mendekati dan menghayati agama Islam. Selain itu, antara misi yang dibawa Yayasan FAQEH adalah untuk menjadi satu organisasi yang menyediakan ruang dan peluang kepada komuniti OKU untuk mempelajari al-Quran dan agama dengan penyediaan pelbagai perkhidmatan pendidikan serta bahan bantu mengajar yang bersesuaian mengikut keupayaan mereka belajar. Yang kedua ialah dengan memberi kesedaran kepada ibu bapa, guru dan masyarakat akan kepentingan pendidikan al-Quran dan Ibadah kepada komuniti OKU. Dan yang ketiga pula adalah dengan menyediakan pelbagai program latihan dan konsultasi untuk pendidikan agama bagi komuniti OKU dan sukarelawan dakwah bagi OKU. Oleh yang demikian, kebanyakan ibu bapa anak istimewa memilih Yayasan FAQEH sebagai tempat pengajian anak istimewa mereka kerana merupakan satu-satunya tempat yang mengutamakan pengajaran agama dan al-Quran untuk anak istimewa dalam sistem pengajiannya (Salmihah Che Mud et. al, 2018).

## **MOD KELAS DI YAYASAN FAQEH**

Dalam memastikan pembelajaran al-Quran bagi OKU berjalan dengan sistematik, Yayasan FAQEH telah mewujudkan beberapa mod kelas yang meraikan kelapangan dan kesesuaian ibu bapa anak istimewa untuk memberikan ruang dan peluang anak mereka mempelajari al-Quran. Antara mod kelas yang terdapat di Yayasan FAQEH ialah Mod Huffaz Akhyar, Mod Huffaz

Asyraf, Mod QurANIS dan Mod Kafa QurANIS. Setiap mod kelas mempunyai anak istimewa yang berlainan kerana pemilihan mod kelas ini bergantung kepada kesesuaian masa ibu bapa dan penjaga namun pembelajaran masih menggunakan kurikulum yang sama iaitu Kurikulum QurANIS. Berikut merupakan maklumat berkaitan mod kelas yang dijalankan di Yayasan FAQEH:

NO.	MOD KELAS	HARI
1	Mod Huffaz Akhyar,	Selasa sehingga Jumaat
2	Mod Huffaz Asyraf,	Jumaat
3	Mod QurANIS	Rabu dan Khamis
4	Mod Kafa QurANIS	Sabtu

Berdasarkan maklumat di atas, setiap mod kelas yang dijalankan akan bermula dengan aktiviti rutin harian yang merupakan sebahagian daripada Kurikulum QurANIS. Antara kandungan dalam aktiviti rutin harian adalah bacaan Ruqyah secara berjemaah antara guru dan pelajar. Pendekatan ruqyah syariyyah merupakan satu cara yang boleh digunakan bagi meregulasi emosi dan tingkah laku ASD. Ruqyah Anak Istimewa ini diambil daripada ayat-ayat suci al-Quran dan hadis-hadis Nabi sebagai penawar (syifa') bagi mereka. Pembacaan ruqyah dilakukan sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula. Kaedah pembacaan ruqyah ini adalah untuk menstabilkan emosi anak-anak istimewa ini dan bagi melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran (Siti Ramna et. al, 2020). Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian yang mendapati bahawa tingkah laku kanak-kanak autisme ini dapat dikawal jika betul cara didikan serta disiplin yang dirutinkan. Mewujudkan rutin dan aktiviti berjadual merupakan strategi untuk menstrukturkan persekitaran pembelajaran untuk pelajar dengan ASD (Ontario, 2007). Pengalaman di Yayasan FAQEH mendapati bahawa guru tidak menghadapi masalah kerana kanak-kanak tersebut telah dirutinkan dengan jadual aktiviti seperti aktiviti bacaan Ruqyah, solat dhuha dan lain-lain.

### **PROGRAM: JOM DHUHA ANAK ISTIMEWA**

Penurunan al-Quran yang merupakan mukjizat agung bagi Muslim dan rahmat bagi seluruh alam membawa kita kepada pengertian asas, iaitu setiap individu Muslim wajib menerima pengiktirafan ini tanpa mengira bangsa, warna kulit, ketidakupayaan dan kelainan tahap pendidikannya. Dalam konteks pendidikan agama dalam kalangan OKU, ruang dan peluang mereka untuk merasai indahnyanya hidup beragama boleh dikatakan hampir tiada terutama bagi mereka yang mengalami Masalah Pendengaran dan Masalah Pembelajaran (mereka yang mempunyai satu atau lebih kesukaran dalam pembelajaran seperti membaca, menulis, mengeja dan mengira serta tidak memberi tindak balas terhadap pengajaran yang normal seperti lembam, autisme, Sindrom Down, disleksia, cerebral palsy, masalah komunikasi, pertuturan dan bahasa, gangguan penumpuan (ADHD) dan hiperaktif). Perkara ini berlaku bukan kerana al-Quran itu tidak relevan bagi mereka, tetapi ia kerana kelemahan kita dalam meneroka strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam memindahkan sesuatu ilmu ke dada mereka.

Usaha memberi ruang dan peluang beragama terhadap warga OKU ini merupakan tuntutan fardhu kifayah dan ia wajib dilaksanakan oleh seluruh ahli masyarakat. Isu ini lebih kronik apabila usaha gerakan dakyah khususnya Kristian lebih sinonim dalam mendampingi

dan menyantuni golongan istimewa ini. Sebagai contoh, usaha halus mereka dengan mewujudkan *playgroup* anak istimewa di gereja dan menawarkan perkhidmatan kepada ahli keluarga yang mempunyai anak-anak istimewa untuk menghantar anak mereka di bawah penjagaan kumpulan dakwah ini. Akhirnya ibu bapa Muslim turut terperangkap dengan tawaran ini setelah mereka mendapati usaha yang sama tidak berlaku di masjid/surau, sekolah-sekolah agama, pusat jagaan Islam dan yang sewaktu dengannya. Strategi pendakwah yang menggunakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menzahirkan keprihatinan mereka membuahkan hasil.

Dalam konteks ini, Yayasan FAQEH sebagai badan kebajikan bukan kerajaan (NGO) Islam berasa terpacu untuk menggalas tanggungjawab ini dalam melaksanakan tuntutan fardhu kifayah kepada komuniti OKU. Dalam merealisasikan misi tersebut, Yayasan FAQEH bersama USIM serta rakan afiliasi yang lain bersedia menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak, khususnya pihak berwajib dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam yang lain. Adalah diketahui USIM sebagai platform 'kampus barakah' melalui pemerksaan mahasiswa khususnya bidang Pengajian Islam yang bukan sahaja berjaya memperoleh PNGK cemerlang, tetapi kaya dengan 'soft skills', berakhlak mulia dan cakna dengan isu-isu yang membelenggu golongan istimewa yang dianggap kumpulan minoriti ini. Jalinan kerjasama pelbagai pihak ini adalah bagi menjayakan program yang menawarkan perkhidmatan ruang dan peluang OKU dididik menerima agama berasaskan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka.

Justeru, usaha ini selaras dengan model dakwah yang diketengahkan oleh Sarjana Islam di mana ia mensasarkan pertamanya kepada pembangunan yang berorientasi pada nilai berupa penganjuran Seminar, Kempen Kesedaran, Majlis Ilmu, Bimbingan dan Kaunseling dan sebagainya. Kedua, fokus diberi kepada pembangunan yang berpaksikan masyarakat iaitu aktiviti-aktiviti yang mementingkan inisiatif, kreativiti dan penglibatan masyarakat sebagai agen dai'e dan sumber utama pembangunan kepada pengisian pendidikan, khususnya pengajian al-Quran dan Ibadah.

Oleh itu, program Jom Dhuha bersama Anak Istimewa bertujuan untuk menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah melalui usaha dakwah OKU yang berteraskan orientasi nilai dan berpusatkan komuniti. Kedua, untuk menjalankan kempen kesedaran kepada para peserta program Tarbiyyatul Awlad dan Daie OKU terhadap keperluan OKU diberi ruang dan peluang dididik menerima agama berasaskan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka. Dan ketiga untuk menjalankan latihan kepada anak-anak istimewa melalui modul Jom Dhuha melalui pendekatan Terapi Ruqyah, Terapi Wudhu, Terapi Dhuha, Terapi Zikir dan sebagainya.

#### **IV. PROGRAM: KEM HUFFAZ REMAJA PEKAK**

Kem Huffaz Remaja Pekak merupakan salah satu usaha ke arah memperolehi peringatn dan pengajaran dengan meneroka kaedah berkesan dalam kemahiran Quran khususnya menghafaz Quran bagi komuniti remaja pekak. Penganjuran kem yang pertama seumpamanya ini turut melibatkan SaF@USIM sebagai urusetia dan fasilitator. Kumpulan penggerak ini terlebih dahulu dilatih dengan modul-modul khusus oleh Yayasan FAQEH bagi menjayakan kem ini. Seramai 20 remaja pekak yang juga merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam telah menyertai projek rintis ini yang berlangsung di Kompleks Permata Insan, USIM. Kem lima hari empat malam ini melatih para peserta untuk menghafaz surah-surah pendek melalui kaedah Tahfiz Akhyar dan Penulis Wahyu. Di samping

itu, para peserta disajikan dengan slot motivasi yang di sampaikan oleh PRISMA dan NESDA. Program ini mendapat sokongan dan tajaan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Sehingga kini Kem Huffaz Remaja Pekak siri masih diteruskan iaitu edisi tahun ini diadakan di Politeknik Ibrahim Sultan Negeri Johor yang melibatkan seramai 40 orang pelajar OKU Pendengaran. Selain mendedahkan strategi dan teknik pembelajaran Quran, fokus Kem Huffaz ini adalah bagi menghuraikan kepentingan dan peranan OKU menghafaz al-Quran, membuka mata masyarakat khususnya melatih mahasiswa pengajian Islam mendepani isu OKU beragama, selain membudayakan kehidupan bersama al-quran tanpa mengira keterbatasan individu (Berita Kampus, USIM 2018).

## **V. PROGRAM: KURSUS DAKWAH TANPA SUARA (TAHAP I DAN II)**

Masalah pendengaran yang dihadapi oleh golongan OKU Pekak ini menyebabkan mereka tidak mampu mengeluarkan bunyi suara untuk menyebut sesuatu bahasa dengan baik. Medium komunikasi mereka iaitu bahasa isyarat yang dibentuk daripada simbol–simbol yang digunakan berasaskan pergerakan tangan, anggota badan, mimik muka yang mempunyai makna tertentu dan difahami. Namun, antara cabaran OKU Pekak beragama adalah kebanyakan para guru agama dan pendakwah di Malaysia tidak mempunyai kemahiran berbahasa isyarat. Hal ini menyebabkan golongan ini semakin jauh dalam mempraktikkan ajaran Islam. Malah, mereka sering diketepikan di dalam mempelajari agama kerana batasan komunikasi. Isu ini menyebabkan kebanyakan golongan pekak tidak berkemahiran dalam ilmu agama yang akhirnya mereka tidak berminat untuk mendekati agama Islam. Kursus Dakwah Tanpa Suara (KDTS) merupakan modul khusus yang dibangunkan Yayasan FAQEH bagi melatih ‘Daie Pekak’ dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam kemahiran berdakwah menggunakan medium komunikasi OKU Pekak. KDTS yang ditawarkan secara terbuka sepanjang satu semester bermula pada tahun 2015 dan dibahagikan kepada dua tahap. Tahap I merupakan peringkat asas pendedahan terhadap dunia golongan Pekak (budaya dan bahasa), latihan asas kaedah pengajaran menghafaz Quran bagi OKU Pekak melalui kaedah Tahfiz Akhyar dan Penulis Wahyu, dan pengajaran asas membaca Quran menggunakan kod tangan berbantuan butang nombor dan warna melalui Kaedah Fakih. Manakala tahap II banyak menfokuskan kemahiran berinteraksi bersama OKU Pekak secara latih tubi dan tugasan.

## **VI. MODEL KELAB SUKARELAWAN DAKWAH OKU**

Kelab Sahabat FAQEH USIM (SaF@USIM) merupakan model kelab sukarelawan Dakwah OKU yang pertama seumpamanya dalam kalangan mahasiswa di peringkat pengajian tinggi. Model kelab ini dibangunkan oleh Yayasan FAQEH bertujuan melahirkan graduan pengajian Islam cakna OKU. Ahli kelab ini dilatih untuk menjadi nadi penggerak kepada program-program Dakwah OKU yang berkonsepkan khidmat komuniti (people centered) dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berdakwah yang berkonsepkan orientasi nilai (value oriented) melalui kemahiran insaniah (Soft Skill) dan nilai tambah (Value Added). Kini, model kelab ini turut mendapat perhatian institusi pengajian tinggi lain dengan menubuhkan Kelab Sahabat FAQEH Institusi Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur, Sahabat FAQEH Universiti Malaya dan Kelab Prihatin Insani di Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM.

## **VII. RAKAN AFILIASI YAYASAN FAQEH**

Rakan afiliasi Yayasan FAQEH adalah merupakan jaringan usaha sama diantara institusi-institusi yang memperjuangkan dakwah bagi OKU di seluruh negara. Institusi-institusi ini telah

hadir untuk menerima latihan secara menyeluruh di dalam bengkel QurANIS yang dianjurkan oleh Yayasan FAQEH. Dengan persetujuan bersama, mereka menggunakan modul Kurikulum QurANIS dalam proses pembelajaran dan pengajaran kepada kumpulan sasaran mereka iaitu komuniti OKU. Hanya yang melalui proses ini akan diberikan tanggungjawab dan layak memegang gelaran sebagai rakan afiliasi Yayasan FAQEH. Berikut adalah jadual rakan afiliasi Yayasan FAQEH di seluruh Malaysia:

<b>Bil</b>	<b>AKADEMI</b>
1	Akademi Fitrah
2	Akademi QurANIS al-Mubarak, Masjid Bandaraya, Sabah
3	Akademi Quran ar-Rayyan
4	Akademi Tahfiz Pekak, Selangor
5	Projek Rintis Fakih Petaling Jaya
6	Prihatin Insani UKM
7	Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Bangi
8	Pusat Jagaan Inklusif Hakeem
9	Kelas KAFA (Pekak), Kuala Lumpur

<b>Bil</b>	<b>SAHABAT FAQEH</b>	<b>QURANIS</b>
1	USIM	Kelantan
2	Terengganu	Dungun
3	Tawau	Tawau
4	Perak	Melaka
5	Temerloh	Taiping
6	UIAM	Cheras
7	IPG Ilmu Khas	Kulim

## **FAKTOR PENGLIBATAN SUKARELAWAN DALAM DAKWAH OKU**

### **Faktor Pemahaman dan Nilai**

Isu kajian yang difokuskan oleh para pengkaji terdahulu tertumpu kepada faktor pemahaman dan nilai dalam diri seseorang sukarelawan. Menurut Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad (2013), faktor pemahaman dan faktor nilai murni merupakan faktor motivasi tertinggi yang menyumbang kepada penglibatan sukarelawan. Dimensi motif pemahaman merupakan proses pembelajaran jangka panjang dan menjadi faktor individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan (Tajul Arifin, 2013 & Yoshioka et al., 2007). Manakala dimensi motif nilai pula dikaitkan dengan motivasi altruistik iaitu keprihatinan terhadap orang lain. Hal ini disokong oleh kajian Tajul Arifin et. al (2013) & Clary dan Snyder (1999) yang mendapati dimensi motif nilai adalah faktor motivasi tertinggi dalam kalangan sukarelawan. Hal ini jelas membuktikan bahawa kebanyakan sukarelawan melibatkan diri kerana ingin mempelajari sesuatu serta sikap dan nilai-nilai murni yang wujud dalam diri mereka. Selain itu, faktor yang mendorong individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan adalah rasa ingin membantu, mencari pengalaman, bersosial dengan masyarakat, serta mengisi masa hujung minggu dengan aktiviti yang bersifat kebajikan. Dalam pada itu, faktor dalaman juga mendorong individu tersebut seperti rasa empati yang tinggi, pengaruh keluarga dan keinginan untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan mendorong seseorang itu terlibat dalam aktiviti kesukarelaan.



### **Faktor Keikhlasan atau Kerelaan**

Majoriti kajian melihat keikhlasan atau kerelaan sebagai elemen terpenting yang perlu dibangunkan oleh kerana ia merupakan inti kepada penglibatan dalam dunia kesukarelawan. Menurut Tuan Pah Rokiah & Lilah Yasin (2016), istilah sukarelawan ditafsirkan sebagai individu atau kelompok individu yang istimewa dari aspek ciri peribadi dan keikhlasan terhadap khidmat sukarela, kerja kemasyarakatan atau usaha kemanusiaan yang diceburinya melibatkan aktiviti seperti gotong-royong, membantu dan meringankan beban pihak lain. Manakala menurut Dorsch et al. (2002) juga berpendapat bahawa sukarelawan penting kerana mereka menyumbangkan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga. Hal ini termasuklah menjadi sukarelawan kepada sesebuah organisasi mahupun memberi sebarang bantuan dalam aktiviti kesukarelawanan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, Tuan Pah Rokiah & Lilah Yasin (2016) dan Azizan Bahari (2003) berpendapat kesukarelawanan pula merupakan suatu konsep kerja atau khidmat secara sukarela iaitu seseorang yang menyumbang bakti dengan rela hati tanpa paksaan atau mempunyai niat ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran kebendaan. Selain itu, Stukas et al. (2009) juga membincangkan dan menyatakan bahawa sukarelawan memberikan bantuan tanpa menuntut bayaran walaupun mereka kesunyian, sakit, berdukacita dan berkhidmat dalam serba kekurangan. Hal ini jelas dibincangkan oleh Dorsch et al. (2002) iaitu hilangnya nilai keikhlasan dalam diri sukarelawan boleh membawa kegagalan terhadap usaha yang dijalankan. Walaupun secara amnya, pengiktirafan dan penghargaan yang diterima selepas melakukan sesuatu kerja dapat meningkatkan perasaan puas hati dalam diri individu. Dalam konteks kesukarelawanan pula, Sharifafar (2011) menjelaskan bahawa sukarelawan akan mendapat kepuasan diri yang maksimum setelah selesai membantu individu yang memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, sekiranya pengiktirafan dan ganjaran diterima oleh sukarelawan, ia akan dapat menjamin kesetiaan mereka terhadap sesuatu persatuan/organisasi agar terus berbakti kepada anggota masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang. Demikian, sukarelawan akan menjadi lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada ahli komuniti sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka menerima penghargaan dan ganjaran yang sepatutnya (pujian) daripada orang awam.

### **Faktor Motivasi Kerjaya Dan Sosial**

Selain itu, analisis literatur sistematik mendapati penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan adalah kerana motivasi untuk mendapat pengalaman dan persediaan pekerjaan pada masa hadapan di samping menyediakan kemahiran berkaitan kerjaya (Clary & Snyder, 1999; Francis, 2011). Hal ini akan memberikan kemahiran yang berkualiti dan pengalaman yang bermanfaat kepada individu sukarelawan tersebut dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan setelah menceburi bidang kesukarelawanan. Selain itu, faktor yang seterusnya juga boleh didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi untuk menjalinkan hubungan sosial dengan kenalan sedia ada mahupun dengan kenalan baru (Clary & Snyder, 1999; Rehberg, 2005). Di samping itu, seseorang individu juga terlibat dalam kesukarelawanan kerana perbezaan motivasi dan pengaruh persekitaran di sekeliling mereka seperti ahli keluarga, rakan, kenalan, masyarakat, institusi pendidikan, institusi keagamaan, laman sosial dan media massa. Demikian, pengkaji merangkumkan faktor motivasi kerjaya dan sosial ini sebagai salah satu faktor penglibatan seseorang individu dalam bidang kesukarelawanan.

### **Faktor Khidmat Komuniti**

Menurut Zainal Anuar Bin Bakri et al. (2019), penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan merupakan jalan terbaik dalam berbuat bakti kepada masyarakat. Oleh yang demikian, para sukarelawan menjelaskan bahawasanya penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan adalah bertujuan untuk berkhidmat dan memberi bantuan kepada masyarakat tanpa mengharapkan sebarang balasan. Manakala menurut Zainal Anuar et al. (2020) & Ellis (2003) sumbangan yang diberikan oleh sukarelawan semasa melaksanakan sesuatu pekerjaan dapat menghilangkan beban yang oleh penerima tersebut secara fizikal dan mental. Dalam kata lain, para sukarelawan akan berpuas hati sekiranya hasil usaha mereka dihargai melalui senyuman dan ucapan terima kasih daripada penerima bantuan. Di samping itu, kepuasan yang diterima daripada penerima bantuan adalah menjadi pengalaman manis.

### **Faktor Kemahiran Kesukarelawanan**

Di samping itu, terdapat juga faktor kemahiran kesukarelawanan. Dalam mengasah kemahiran dalam diri individu, teknik dan kreativiti adalah unsur penting dalam menjadikan kemahiran lebih mantap. Selain itu, Whiston dan Coker (2000) berpendapat bahawa dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu, teknik yang berkesan diperlukan agar klien berasa selesa dan mempunyai keinginan untuk menjayakan aktiviti dengan bersungguh-sungguh. Menurut Che Fazilah et al. (2020), individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam aktiviti pembangunan komuniti memerlukan kemahiran dan kreativiti yang tinggi. Oleh yang demikian, latihan ataupun pendedahan kepada situasi adalah diperlukan kepada individu yang ingin terlibat di dalam kerja kesukarelawanan. Tambahan itu, menurut Samir & Sara Sakilla (2012) sebelum sukarelawan berada bersama-sama dengan komuniti, sukarelawan tersebut haruslah menjalani latihan dan mengenali komuniti yang akan disantuni. Pendedahan asas ini boleh dilakukan menerusi penyampaian taklimat, kursus jangka pendek, seminar, latihan atau induksi kepada sukarelawan terutamanya melibatkan sukarelawan baru (Normah Awang & Siti Nurziana, 2021; Woods, 2006; Schugurensky & Mundel, 2005; Eadie, 2007). Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kemahiran ini sangat penting bagi membolehkan sukarelawan memahami perkara-perkara asas berhubung dengan gerak kerja organisasi, mengenal pasti kelompok sasaran dan pihak-pihak yang terlibat dalam kerja kesukarelawanan serta kekangan-kekangan yang dihadapi dalam kesukarelawanan, prinsip dan sikap yang perlu dimiliki oleh sukarelawan dan sebagainya. Maka, secara tidak langsung akan melahirkan sukarelawan profesional yang bakal berdepan dengan cabaran dengan teknik yang lebih kreatif dan inovatif (Che Fazilah et., al 2020).

### **KESIMPULAN**

Dalam memperjuangkan dakwah bagi OKU, kerjasama dan usaha yang berterusan daripada semua pihak amatlah penting dalam menjayakan usaha memuliakan komuniti OKU dengan agama. Pengalaman dan usaha yang dibangunkan oleh NGO seperti Yayasan FAQEH amatlah dialukan dan diharapkan lebih banyak lagi institusi awam mahupun sektor swasta bersama-sama dalam mengangkat kepentingan memberi ruang dan peluang kepada komuniti OKU hidup beragama. Diharapkan hasil penulisan ini menjadi aspirasi dalam membantu OKU dalam memberikan dakwah bagi OKU dan melahirkan lebih ramai lagi sukarelawan dakwah bagi OKU di masa akan datang. Peranan sukarelawan dalam gerak kerja dakwah khususnya kepada komuniti OKU amat diperlukan. Dunia dakwah untuk OKU menyaksikan pelbagai jenis cabaran dengan keterbatasan keupayaan dalam kalangan komuniti tersebut. Justeru, jati diri serta keperibadian sukarelawan yang didasari oleh faktor-faktor dalaman dan luaran amat penting agar kelestarian usaha dakwah untuk komuniti OKU terjamin.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Model Sukarelawan Dakwah OKU Berasaskan Hadis Al-Arbain Nawawi ke Arah Masyarakat Rabbani di bawah Geran Penyelidikan FRGS 2021-1 (FRGS/1/2021/SSIO/USIM/02/12) dan juga Yayasan FAQEH atas kerjasama menghasilkan penulisan ini.

## RUJUKAN

Al-Quran Surah 'Abasa ayat 1-10

Ahmad Razuan, S. R., Mohd Raus, N., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Mohamed Yusoff, A., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.

Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.

Azizan Bahari (2003) Menghayati kerja sukarela. Qarya Sdn Bhd., Petaling Jaya.

Angermann, A., & Sittermann, B. (2010). Volunteering in the European Union-An Overview.

Aishah Nadirah, M.A. & Tajul Arifin, M. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. Langkawi, Malaysia. 25- 26 November 2013.

Azizan, B. (2016). Kesukarelawan. Pustaka Qarya. Perlis: Kangar. Bastien, A.C. (2015). An examination of volunteer motivations and characteristics between 63 required volunteer service and non-required volunteer service in college students: An exploratory study. (Thesis). University of Georgia, United States.

Azizan Bahari. (2009). Menjadi Sukarelawan (Edisi Baru). Petaling Jaya. Qarya Sdn. Bhd.

Baharudin, I. N. B., & Ramli, F. Z. M. (2020). Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis.

Che Di , Nur Fadliana . (2014). "Interaksi Rasulullah S.A.W Bersama Orang Kelainan Upaya (Oku): Kajian Layanan Terhadap Mahasiswakelainan Upaya Di Universiti Malaya. Retrieved from [studentsrepo.um.edu.my/view/divisions/1/2014.type.html](http://studentsrepo.um.edu.my/view/divisions/1/2014.type.html).

Che Fazilah, Siti Nathrah & Fuziah, Shaffie. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawan: Satu Kajian Literatur (Factors Affecting Volunteer Motivation in Carrying Out Volunteer Activities: A Literature Review). *Jurnal Pembangunan Sosial*. 23. 25-38. 10.32890/jps2020.23.2.

Din, N., Nasirudin, M., Ibrahim, S. Z., & Talib, H. (2018). Pemerkasaan Hubungan Sosial Dengan Golongan Kurang Upaya Di Institusi Masjid Di Malaysia.

Dorsch KD, Riemer HA, Sluth V, Paskevich DM, Chelladurai P (2002) What affects a volunteer's commitment? Canadian Centre for Philanthropy, Toronto.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi Sukarelawan.

Ellis, Claire. (2003). Participatory Environmental Research In Tourism: A Global View. *Tourism Recreation Research* 28, no. 3: 45-55

Jaafar, N., Sawai, R. P., Sawai, J. P., & Kamarududin, S. R. (2020). Ruqyah Syariyyah Dan Regulasi Emosi Anak-Anak Autisme.

Khamaruddin , S. R. ., Muhamad, N. A. F. ., & Mohd Raus, N. . (2021). Online Tadarus Quran Tanpa Suara (Online TTS): Cabaran Komuniti OKU Pekak: Online Quranic Tadarus Without

- Voice: The Challenges of the Deaf Community. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 137-154. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.147>
- Mud, S., Sham, F., Ali, M., & Kusrin, Z. (2018). Kepentingan Pengajaran Al-Quran Untuk Perkembangan Psikologi Anak-anak Autisma. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 4.
- Muda, T. F. M. T. (2016). [The Services Implementation by Children towards Visually Impaired Parents] Pelaksanaan Perkhidmatan Anak Terhadap Ibu Bapa Kurang Upaya Penglihatan: Kajian di Marang, Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13, 121-133.
- Mud, S., Sham, F., Ali, M., & Kusrin, Z. (2018). Kepentingan Pengajaran Al-Quran Untuk Perkembangan Psikologi Anak-anak Autisma. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 4.
- Normah Awang Noh, Siti Nurziana Mohd Zin, (2021). Amalan Pengurusan Pertubuhan Sukarela: Isu Pengekalan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan, *Asian Journal Of Civilizational Studies (Ajocs) Volume 3, Issue 3, 2021*
- Nurul Ashidah Binti Johari. (2015). Penglibatan Generasi Y Dalam Aktiviti Sukarelawan : Faktor-Faktor Pendorong Dan Jenis Aktiviti Pilihan. *Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Norehan Binti Abdul Rahman. (2018). Tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dan kesannya terhadap kesejahteraan diri golongan awal dewasa di kedah. *Disertasi. Universiti Sains Malaysia (USM)*.
- Ontario. (2007). *Effective educational practices for students with autism spectrum disorders: A resource guide*.
- Rashed, Z. N., & Nor, S. M. (2020). Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya: Entertaining the Disabled (OKU) at the Mosque: Needs and Challenges of the Implementation. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(1), 19-27. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no1.58>
- Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia : Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 82(1). 81-89
- Stukas AA, Worth KA, Clary EG, Snyder M (2009) The matching of motivations to affordances in environment: An index for assessing the impact of multiple matches on volunteer outcomes. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 38(1), 5-28.
- Sardinha B. and Pires C.P. (2011). To volunteer or not to volunteer? A cross-country. *Journal of Volunteer Administration*, Vol 17 : 45-52.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian emperikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.
- Taniguchi, H. (2006). Men's and women's volunteering: Gender differences in the effects of employment and family characteristics. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 35(1): 83-101.
- Yoshioka, C., Brown, W.A. & Ashcraft, R. 2007. A Functional Approach to Senior Volunteer and Non-volunteer Motivations. *International Journal of Volunteer Administration*, 24: 31-43.
- Zainal Anuar Bin Bakri, Wan Salmizi Bin Wan Mahmood dan Mohd Adib Bin Zakaria, (2019). Kajian Kes: Impak Sukarelawan Yes! Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dalam Melakukan Kerja-Kerja Kesukarelawanan Tvet Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, Vol 4 No 3: Special Edition NASCO (2019) eISSN: 0128-0821.